



KPT
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

POLITEKNIK
Jabatan Pengajian Politeknik

BULETIN UPI

POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABD. AZIZ SHAH



Minggu Inovasi Hijau (MiH2011)

membuka tirai
rekapipta inovasi
berasaskan
elemen Teknologi
Hijau

... "towards a green future" ...

MINGGU INOVASI HIJAU 2011 (MiH 2011) julung kali diadakan oleh Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) bagi menyahut cabaran kerajaan dalam menyemarakkan dan menggalakkan rekapipta produk inovasi yang berasaskan Teknologi Hijau. Ia berlangsung selama tiga hari dari 1-3 November 2011. Program ini dirasmikan oleh Pn. Pengarah PSA, Pn. Asmara bin Sulung. Ia diserikan dengan para jemputan antaranya Profesor Mahamod Ismail (UKM), Profesor Khazani Abdullah (SigTech Sdn Bhd.), Ir Dr Jamil bin Sulaiman (SIRIM), En. Mohd. Zamre Abd Rahman (wakil JPP),

dan lapan para panel juri diketuai oleh Dr HM Tuah Baharudin (UPM).

Program diadakan selama tiga hari merangkumi tiga aktiviti iaitu Pameran Inovasi, Pertandingan Projek Pelajar Semester Akhir Sesi Julai 2011 dan Seminar *How to be Innovative*. Pameran Inovasi mempamerkan produk-produk PSA yang cemerlang dan memenangi tempat teratas di pertandingan akhir antara Jabatan Kejuruteraan.

Bersambung ke m/s 4

ISSN 2232-123-3



9 772232 123000

Kandungan

Minggu Inovasi Hijau (MiH 2011)	1-4
Seminar <i>How to Be Innovative</i>	5
Produk Inovasi PSA	6-8
Kelab Inovasi Hijau	9
Pertandingan Rekacipta Bahan Terbuang	10

Pameran Kebangsaan

InnoConf 2011	11
i-Inova 2011	12
Deria 2011(UiTM Melaka)	13
Karnival Ilmu dan Minggu Inovasi 2011 BPH,	
Mosti 2011	14
NICE 2011	14
IID UiTM Johor 2011	15
ASEAN IID Kedah 2011	16

Coretan

Pembudayaan Inovasi Sepanjang Zaman	17-20
Ucaptama Pn.Pengarah di NSRI 2011: Perlaksanaan	
<i>Work Based Learning (WBL)</i> bagi program Diploma	
Lanjutan Kejuruteraan Elektronik (Perubatan) di PSA	21-24

Seminar dan Bengkel

NSRI 2011	25
CIE-TVT	25
AYRC3-AKEPT 2011	26
IGEM 2011	27
Bengkel Penyelidikan dan Penulisan	28-29
Bengkel Temuduga	30
Bengkel Penulisan Garis Panduan Artikel Akademik	31
Penerbitan	32-33

Persidangan Antarabangsa

ADMA 2011	34
Kolaborasi - Kunjungan PSA ke Universiti	
Nottingham Semenyih	35

Ringkasan	36-40
-----------	-------



TECHNOLOGY CAMPAIGN
KELAB INOVASI HIJAU PSA



Sidang PENGARANG

PENASIHAT

Pn.Asmara Sulung

PENGARANG JEMPUTAN

Pn. Zainab Ahmad

PENGARANG

DR. Faizah Shaari

PENYUNTING BAHASA

DR Wan Nooraini Wan Kamaruddin

URUSETIA PENERBITAN

DR.Wan Chik Nurida Ismail
CIK Ainayasmim

FOTOGRAFI

UIDM
UPI

DITERBITKAN OLEH

Unit Penyelidikan dan Inovasi (UPI)
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz
Shah, Persiaran Usahawan, Seksyen
U1,
40250 Shah Alam, Selangor DE

Tel: 03-51634000

Faks: 03-55691903

<http://www.psa.edu.my>

Tinta PENGARANG

Buletin UPI pertama kalinya di terbitkan dalam usaha merealisasikan hasrat meningkatkan imej sistem politeknik, PSA khususnya dan sistem politeknik di seluruh negara amnya. Buletin ini membuka dimensi baru penulisan bagi mengenengahkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan produk inovasi yang dihasilkan oleh para pensyarah politeknik.

Ini adalah sejajar dengan tuntutan pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi menerusi teras-teras yang perlu diketengahkan serta dilaksanakan bagi memacu Malaysia menjadi hab pengajian tinggi dunia.

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) mengambil inisiatif positif dengan mengadakan program Minggu Inovasi Hijau bagi membuka tirai inovasi hijau tahun 2011. Seperti mana yang dihasratkan oleh Perdana Menteri, adalah disasarkan agar kadar pengurangan karbon di negara ini dapat berkurangan sehingga 40% pada tahun 2020. Maka sama-samalah warga PSA menjaga bumi agar selamat pada hari ini dan pada masa depan.

Dalam dunia hari ini, menjadi tanggungjawab Politeknik untuk menghasilkan modal insan yang kreatif dan inovatif untuk pembangunan ekonomi masa depan. Seiring dengan peredaran zaman dan sinario ekonomi yang berubah secara dramatik, sistem politeknik harus kekal relevan mengikut perkembangan semasa. Justeru pelbagai program yang merangsang kreativiti para pelajar dan pensyarah diadakan termasuk mengadakan seminar dan kolokium untuk menggalakan aktiviti penyelidikan.

Akhir kalam, sama-sama kita warga PSA agar sentiasa berusaha dan terus gigih meningkatkan prestasi diri dan sama-sama meningkatkan kecemerlangan PSA.

**Selamat membaca demi ilmu
tercinta.**

Bahan pameran juga termasuk ciptaan robot dari Kumpulan Robot PSA dan Kereta Go-Cart PSA. Turut dipamerkan adalah Kraftangan dari kertas majalah terbuang yang dihasilkan oleh Ashnaf ZAKAT, sebuah syarikat di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Sejumlah lapan belas produk inovasi dipertandingkan. Produk-produk yang direkacipta bersama pelajar dan pensyarah dinilai dari segi rekacipta yang bernilai komersil dan keaslian ciptaan. Tiga pemenang terbaik dipilih dari setiap kategori Pelajar Sepenuh Masa dan Separuh Masa. Pertandingan ini di anggotai oleh Jabatan Kejuruteraan Elektrikal, Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Awam. Kategori Program Sepenuh Masa dan Pelajar Kursus Sambilan mengambil bahagian dari setiap Jabatan.

Antara produk yang mencuri hati penonton dan para juri adalah projek *Lemang Rotation* dari Kumpulan Pelajar Sepenuh Masa JKM

Senarai Pemenang Pertandingan Projek Pelajar Semester Akhir Sesi Jun 2011

Kategori: Pelajar Separuh Masa			
Pemenang	Produk	Jabatan	Perekacipta
Pertama	Sawang Berputar	JKA	Mohd Zauzhar B IsmailHanif Yahya Saiful Azhan Md Yunus En. Ishamudin Ishak
Kedua	Spring Car Absorber Jack (SCAJ)	JKM	Mohd Taridi B Abdullah Muhamad Rizal B Maamor Mohd Yusri B Yusof Nurulamin B Mahayudin Mahpoz B Hj Marzuki En.Asri B Mat Desa
Ketiga	Smart Laser Setting-Out Device	JKA	Mohd Djohan Ariff B Abd Rashid Mohd Yazid B Abu Hanipah Mohd Shahrizal B Abd Hamid Pn.Zairina Bt Zaini Pn Zarinah Bt Zaini Pn Herliana Bt Hassan



Senarai Pemenang Pertandingan Projek Pelajar Semester Akhir Sesi Jun 2011

Kategori : Pelajar Sepenuh Masa			
Pemenang	Produk	Jabatan	Perekacipta
Pertama	Smart Helmet System	JKE	Muhammad Nasrullah B Raduan Mohd Yatiman B Abdul Azizie Nik Mohammad Noh B Nik Mat En. Mohamad Azlan B Aziz En.Mohd.Safari B Jaafar
Kedua	Intel ECG Analyzer	JKE	Dhurai Kanna A/L Subramaniam Muhammad Afzanizam B Abdul Khalib Joana Malini Enkai Hafizur Hazwan Hazali Multazaam B mohd Fakir Pn. Wee Soo Lee
Ketiga	Lemang Rotation	JKM	Muhammad Nor Akmar B Nor Azman Shaiful irwan B Yusof Muhamad Hidayat B Mohd Aris Mohamad Jeffry B Alias Mohamad Shahrizan B Saien Pn Noor Haznida Bt Bakar

Senarai Pempamer di MiH 2011

Bil.	Produk	Jabatan	Tahun, Perekacipta
1.	Emergency Tool Kit	JKM	2011, Mohammad Faiz Abdullah
2.	VesaPro-Beg Komputer Riba	JKM	2011, Nor Azlan Mohd Shamsudin
3.	Agriculture Auger	JKM	2010, Zalaidda Talib
4.	Smart Heat Therapy	JKE	2009, Wee Soo Lee
5.	Pam Galas Electric	JKE	2010, Sabariah Bohanudin
6.	AC Backup System	JKE	2010, Mohd Zin
7.	Programmable Logic Controller Tool	JPP	2011, Shahrudin
8.	Hail Oil Filter	JKA	2009, Zairina Zaini
9.	Persimmon Juice drink	JPG	2011, Zanatul Shima
10.	eProjek	JPG	2011, Zanatul Shima
11.	Robot Team	PSA	JKM, JKE
12.	Go-Cart Team	PSA	JKM
13.	Ashnaf Zakat	MAIS	
14.	Me'Nate Patties	JPG	2011, Zanatul Shima
15.	Kempen Teknologi Hijau	Kelab Inovasi Hijau	2011

Seminar "How to be Innovative"

- **SEMINAR HOW TO BE INNOVATIVE** dianjurkan oleh UPI bagi mendedahkan para pensyarah dan pelajar tentang kaedah pembangunan produk yang mempunyai ciri-ciri inovasi. Seminar ini juga menerangkan proses pempatenan produk dan bagaimana sesuatu produk yang berkualiti boleh dikomersilkan. Pensyarah dan pelajar diberi keterangan tentang bagaimana produk inovasi boleh dihasilkan melalui pemikiran yang kreatif dan inovatif. Produk yang direka boleh di semak ketulinannya apabila carian paten dilakukan. Seminar ini disampaikan oleh Profesor Khazani Abdullah dari Significant Technology Sdn. Bhd. Seramai 200 peserta menghadiri seminar ini yang dianjurkan sempena Minggu Inovasi Hiaju 2011 di Dewan Serbaguna, PSA.



PRODUK INOVASI PSA



1• Programable Logic Controller

2• Emergency Toolkit

3• Permanent Hair Oil Filter

4• AC Backup System

5• Versapro-Beg Komputer Riba

6• Agriculture Auger

PRODUK INOVASI PSA



1• Me'nate Patties & Persimmon Juice
Drink

2• e-Project

3• Lemang Rotation



PRODUK INOVASI PSA



Spring Car Absorber Jack



Simple Fertilizer Machine



Pemenang Pertama
Separuh Masa
Sawang Berputar




Pemenang Pertama
Sepenuh Masa Smart
Helmet System

KELAB INOVASI HIJAU



KELAB INOVASI HIJAU ditubuhkan pada 5 Oktober 2011 dengan objektif untuk membudayakan inovasi di samping memupuk kelestarian alam sekitar di kalangan pelajar-pelajar PSA. Kelab yang terdiri dari 47 orang pelajar terdiri daripada pelbagai Jabatan. Ia ditubuhkan di bawah Unit Penyelidikan dan Inovasi, PSA. Beberapa aktiviti Kempen Teknologi Hijau telah dirancang dan dilaksanakan untuk merealisasikan objektif kelab ini.



Pertandingan Rekacipta Bahan Terbuang



PERTANDINGAN REKACIPTA BAHAN TERBUANG telah di anjurkan sempena Minggu Inovasi Hijau 2011. Sambutan adalah sangat menggalakkan berdasarkan lebih daripada 40 penyertaan yang telah diterima daripada seluruh warga politeknik. Pertandingan ini bertujuan untuk memberi kesedaran tentang kempen Teknologi Hijau yang kini semakin ketara kepentingannya kepada persekitaran dan masa depan bumi


kita. Rekacipta yang dihasilkan terdiri daripada bahan-bahan terbuang seperti besi, alat-alat motor dan perkakasaan yang lama, kerta, plastik dan banyak lagi. Rekacipta yang telah menjuarai pertandingan ini adalah Ampaian Separa Automatik, diikuti oleh rekaan bertajuk *King of Art* manakala tempat ketiga di juarai oleh produk bertajuk Bekas Alat Tulis Harley Davidson.



INNOCONF 2011

INNOCONF 2011 was held on 12-13 July 2011 at the Malaysia Agro Exposition Park (MAEP), Mardi, Serdang. Participated by the innovators and researchers all over the country, PSA exhibited three potential products and presented two research papers. INNOCONF2011 was organized by Edu Explore Sdn Bhd and Polytechnic Management Department (JPP), KPT. The aim of the conference was to educate the public and reduce the misconceptions on innovation. The conference also served as a platform for a new force in the form of

non-academic innovations to share their expertises. It is also an avenue that brought together innovative ideas in various fields involving innovators from all over region. Individuals, companies, NGOs, the general public and educational institutions were given opportunities to interact and establish networking among themselves. Finally, the innovative ideas as well as re-engineering, reverse engineering, product localization and technology substitution activities in a simple, non-academic format were presented and discussed.



Head Project Team	Title
Sabariah Bohanuddin	Pam Galas Elektrik
Wee Soo Lin	Smart Heat THERapy
Mohd Faiz Abdullah	Emergency Tool Kits
Zairinah Zaini	Hail Oil Filter
NorAzlan Mohd Shamsudin	VersaPro-Beg Komputer Riba

i-INOVA 2011

THE ISLAMIC INNOVATION EXPO 2011 (I-INOVA' 2011) which was organized by USIM was held on 14-16 October 2011 at Nilai Stadium. The expo aimed to enable the students and lecturers of higher learning institutions to exhibit their innovation in creating Islamic products.

By taking part in the exposition, students were able to discover their potentials by applying the knowledge and skills learned at the university level, for the development of ummah. Two innovative products from PSA were accepted to participate in the exposition, and were awarded bronze medal.



GROUP MEMBERS	TITLE	AWARD
Saharuddin Bin Talib Ibrahim Bin Burhan Rosmawati Binti Othman Ahmad Aftaf Bin Azman Aishah Binti Saim	Programmable Logic Controller (PIC) Kit	Bronze
Mohd Zin Hassan	AC Backup System	Bronze

DERIA 2011 (UiTM MELAKA)

PERTANDINGAN DERIA 2011 merupakan pertandingan yang dianjurkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri, UiTM Melaka pada 21 sehingga 22 Julai 2011. Sebanyak 75 penyertaan telah menyertai DERIA pada kali ini.

Kategori yang dipertandingkan ialah *invention*, *innovation* dan *design*. Penyertaan terbuka kepada staf dan pelajar UiTM, staf dan pelajar IPT, pelajar sekolah dan agensi

kerajaan atau swasta. Setiap kategori dinilai dan dianugerahkan pingat emas, perak atau gangsa.

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) buat julung kalinya telah menyertai DERIA 2011 bagi kategori inovasi dengan tajuk *Programmable Logic Controller (PLC) version 4*. Inovasi ini telah dibangunkan oleh lima orang pensyarah.



Ahli Kumpulan	Tajuk Produk	Pingat
Saharuddin Bin Talib Ibrahim Bin Burhan Rosmawati Binti Othman Ahmad Aftaf Bin Azman Aishah Binti Saim	Programmable Logic Controller (PIC) Trainer Board Version 4	Emas

Karnival Ilmu BPH, MOSTI 2011

INOVASI "KARNIVAL ILMU DAN MINGGU INOVASI BPH 2011 telah diadakan pada 25 hingga 26 Julai 2011 di Blok1, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya. Tiga produk PSA yang dipamerkan di pameran tersebut adalah kumpulan produk inovasi Pam Galas Elektirk, Permanent Hair Oil Filter and Programable Logic Controller.

NICE 2011

NATIONAL INNOVATION CONFERENCE AND EXHIBITION(NICE 2011) merupakan sebuah lagi program tahunan MOSTI yang bertujuan meningkatkan kesedaran semua lapisan masyarakat untuk melahirkan budaya inovasi dan menjadikan inovasi sebagai pemacu pembangunan negara. NICE 2011 diadakan di PWTC pada 15-16 November 2011. PSA merebut peluang dengan mengambil bahagian dalam penyertaan pameran dengan mempamerkan dua produk inovasi iaitu Permanent Hair Oil Filter dan Programmable Controller Logic Trainer ver 4.0.



IID 2011 (UiTM JOHOR)

IID 2011 dianjurkan oleh UiTM Johor. Pertandingan *Invention, Innovation and Design (IID)* Johor 2011 bermula pada 17 sehingga 18 Ogos 2011. Seramai tujuh puluh sembilan peserta telah mendaftar dan berjaya menyertai pameran ini.

Kategori yang dipertandingkan ialah *invention, innovation* dan *design*. Penyertaan terbuka kepada staf dan pelajar UiTM, staf dan pelajar IPT, pelajar sekolah dan agensi kerajaan atau swasta. Setiap kategori dinilai dan dianugerahkan pingat emas, perak atau gangsa.

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) buat julung kalinya telah menyertai IID Johor 2011 bagi kategori inovasi dengan tajuk *Programmable Logic Controller (PLC) Kit*. Ia telah dibangunkan oleh 5 orang pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Senggaraan Pesawat.



Ahli Kumpulan	Tajuk Produk	Pingat
Saharuddin Bin Talib Ibrahim Bin Burhan Rosmawati Binti Othman Ahmad Aftaf Bin Azman Aishah Binti Saim	Programmable Logic Controller (PIC) Kit	Perak

ASEAN IID 2011 (KEDAH)

PERTANDINGAN ASEAN INVENTION, INNOVATION AND DESIGN (IID) KEDAH 2011 merupakan pertandingan yang dianjurkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri, UiTM Kedah pada 19 sehingga 20 November 2011. Sejumlah 228 penyertaan telah menyertai pertandingan ASEAN IID Kedah ini.

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) menyertai ASEAN IID Kedah 2011 bagi kategori inovasi dengan tajuk Programmable Logic Controller C). Dalam pertandingan ini, PSA memperolehi pingat perak.



Ahli Kumpulan	Tajuk Produk	Pingat
Saharuddin Bin Talib Ibrahim Bin Burhan Rosmawati Binti Othman Ahmad Aftaf Bin Azman Aishah Binti Saim	Programmable Logic Controller (PIC) Kit	Perak

Pembudayaan Inovasi SEPANJANG ZAMAN

Orang-orang dahulu pernah berkata "Jauh perjalanan, luas pemandangan". Begitulah hasrat saya apabila diberi peluang mengikuti kursus JPA-BMCC Management Development Programme 2011 di University of Nottingham Malaysia Campus (UNMC) dan University of Nottingham, United Kingdom (UNUK) dari 21 Mac hingga 8 Julai 2011.

United Kingdom (UK) seperti yang diketahui umum ialah sebuah negara berfahaman konservatif, bukan sahaja ia mempunyai sebuah parti politik yang berideologi konservatisme tetapi budaya konservatif ini adalah darah daging penduduk asal negara tersebut. Definisi mudah bagi perkataan *conservative* ialah "favouring traditional views and values; tending to oppose change", iaitu mengemari pandangan dan nilai tradisi dan juga cenderung kepada menentang perubahan.


Dalam era moden masakini, ciri konservatif mereka terserlah melalui antaranya inisiatif mereka memulihara warisan dan budaya zaman silam.

Mengekalkan dan memulihara warisan


Oleh yang demikian adalah sangat mencabar bagi pemimpin sektor awam maupun swasta di negara tersebut untuk menggerakkan pekerja mereka melakukan perubahan; bersaing dalam ekonomi global dan mempelopori kemajuan teknologi sedunia. Namun demikian UK masih mampu mengekalkan semangat daya saing pada kedudukan ke-10 seperti yang dilaporkan oleh *Global Competitiveness Report 2011-2012*. Menurut laporan tersebut: *The United Kingdom continues to have sophisticated (8th) and innovative (13th) businesses that are highly adept at harnessing the latest technologies for productivity improvements and operating in a very large market (it is ranked 6th for market size)*. Nyata sekali budaya konservatisme mereka sama sekali tidak menghalang aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada inovasi.

Prinsip keseimbangan

Pemerhatian awal saya terhadap kemajuan yang dikecapi negara UK ialah prinsip keseimbangan



Major Oak Tree di Sherwood Forest – mempunyai ketinggian 52 kaki, ukuran lilitan 35 kaki, berusia antara 800 hingga 1000 tahun. Pokok ini ialah halaman permainan dan persembunyian wira Robin Hood dan rakan-rakannya.



Koleksi kenangan dalam bidang perdagangan dan perbankan silam yang diabadikan melalui paparan poskad terbesar oleh HSBC, London.



Inovasi dalam mengabungkan ciri yang lama dengan yang baru.



Bahagian kiri ialah kesan pemuliharaan ke atas bahagian Istana Windsor yang ditimpa kebakaran pada 20 Nov 1992 manakala bahagian kanan ialah rekabentuk asal Istana tersebut.

dalam membuat keputusan bagi kebanyakan projek pembangunan yang dilaksanakan. Mereka benar-benar berhati-hati untuk memulihara yang lama tanpa mengenyampingkan kelebihan yang bakal dikecapi dengan menerima yang baharu. Sebaik mungkin mereka akan memastikan 'yang lama' dan 'yang baru' berada seiring dan dimanfaatkan bersama. Secara tidak langsung budaya inovasi berterusan akan tetap subur dalam masyarakat mereka. Sebagai contoh, lihatlah gambar di bawah di mana lampu jalan era abad silam di Istana Windsor iaitu kediaman keluarga Diraja Britain, dipadankan dengan mentol jimat tenaga (energy saving) rekacipta masakini. Istana Windsor yang telah dibina oleh William the Conqueror pada tahun 1066 tetap utuh sehingga hari ini.

Mulanya Budaya Penyenggaraan

Pada abad ke-18 dan ke-19, UK mempelopori Revolusi Perindustrian yang secara langsung meletakkan asas yang kukuh terhadap budaya inovasi di kalangan rakyatnya. Pelbagai ciptaan mesin dan jentera berat seperti yang digunakan di industri tekstil dan pengangkutan telah berjaya dihasilkan. Perkembangan ini telah membuka banyak peluang pekerjaan; seiring dengan penyebaran ilmu dan kemahiran. Produktiviti pengeluaran di kilang-kilang telah meningkat di atas permintaan dari seluruh dunia

dan perkembangan ini mengukuhkan ekonomi UK. Ketika ini jugalah budaya penyenggaraan telah tersemai di dalam masyarakat mereka terutamanya di kalangan pekerja sektor industri. Di minda masyarakat mereka tertanam sikap mengutamakan penyenggaraan peralatan untuk menjamin produktiviti yang tinggi.

Budaya Penyenggaraan Berterusan

Kecenderungan kepada amalan penyenggaraan dan ciri konservatif masih boleh dilihat melalui pengekalan rumah-rumah rekaan abad terdahulu. Maka tidak hairanlah UNUK misalnya mempunyai pusat penyelidikan yang khusus bagi mengkaji dan membuat penambahbaikan agar rumah-rumah lama ini tetap bertahan dan berfungsi seperti sedia kala.

Jenis rumah penyelidikan ini yang dipanggil 'eco houses' sebenarnya adalah beberapa rumah lama yang telah dilengkapi dengan sistem pemantauan dan pengumpulan data. Dengan menggunakan peralatan berteknologi tinggi kajian yang dijalankan berupaya memberi maklumat yang berguna terhadap ketahanan rumah-rumah ini baik dari segi struktur, rekabentuk mahupun bahan binaannya. Objektif utama kajian di 'eco-houses' ialah mencari kaedah penjimatan tenaga disamping memberi keselesaan di musim dingin.



Sebuah rumah yang telah diubahsuai menjadi eco-house - bahagian sebelah kanan ialah ruang bagi menempatkan peralatan pengukuran dan sistem rakaman - kajian menjurus kepada penjimatan tenaga.

Nilai teras sebagai pemangkin inovasi

Dunia masakini sedang dalam era membangunkan modal insan yang cenderung kepada kreativiti, inovasi dan penyelidikan. Negara kita Malaysia juga tidak terkecuali. Salah satu daripada pembelajaran penting yang saya perolehi daripada pengalaman selama 4 bulan di UNMC dan UNUK ialah peranan nilai teras (core value) dalam mendasari segala inisiatif menuju ke arah inovasi. Nilai teras bagi rakyat Britain ialah konservatisme. Apakah nilai teras bagi rakyat Malaysia? Jika ketrangkuman (inclusiveness) dan konsep 1Malaysia menjadi nilai teras maka apakah bentuk inovasi yang boleh dihasilkan oleh rakyat daripada nilai teras ini?

Inkubator penyelidikan – benih inovasi

Memulakan sesuatu yang baharu sememangnya tidak mudah – begitulah juga dengan mengorak langkah untuk melakukan inovasi. Penyelidikan dan inovasi saling bertautan kerana ia saling lengkap melengkapi. Gambar berikut menunjukkan pusat inovasi di UNUK yang diberi nama The University of Nottingham Institute for Enterprise and Innovation (UNIEI). UNIEI dibina untuk menyemarakkan lagi benih-benih inovasi yang dijalankan oleh penyelidik


muda di UNUK. Pihak universiti memberi mereka banyak ruang dan peluang untuk mengembangkan idea dan kreativiti sehingga terbina prototaip rekaan tersebut. Prototaip yang berjaya dan mempunyai nilai komersial akan dipadankan dengan syarikat yang berminat untuk memasarkannya. Penyelidik yang juga tuan punya paten rekaan akan menerima habuan dari segi royalti dan hak paten. Jaminan insentif ini telah menjadi pemangkin yang berkesan ke atas kejayaan UNUK sehingga hari ini.

Penyelidikan yang membawa kepada terhasilnya rekacipta peringkat antarabangsa bukanlah sesuatu yang baharu kepada UNUK. Pada tahun 2003 Prof. Sir Peter Mansfield, seorang Profesor dalam bidang Fiziks dari UNUK telah dianugerahkan Hadiah Nobel di atas kejayaan beliau mencipta Magnetic Resonance Imaging (MRI) – iaitu sejenis peralatan pengimbas yang sangat berguna di bidang perubatan masakini.

Sehingga kini UNUK tetap subur dengan pelbagai inisiatif untuk mengekalkan budaya penyelidikan di semua kampusnya. Malahan pihak kepimpinan universiti berusaha menerapkan prinsip 'Research-Led-Teaching' dalam semua bentuk pengajaran dan pembelajaran bermula dari program peringkat ijazah pertama lagi.



The University of Nottingham Institute for Enterprise and Innovation (UNIEI) yang bertempat di Jubilee Campus, Nottingham.



Sir Peter Mansfield di pejabatnya. Seorang pekerja sedang mengendalikan sebuah mesin MRI.

Masih adakah lagi ruang dan peluang untuk kita melakukan inovasi ?

Manusia telah dikurniakan oleh Tuhan dengan pelbagai anugerah menjangkau kebolehan minda yang tidak terbatas dalam merekapipta dan melakukan inovasi. Pengamatan umum menunjukkan bahawa jenis inovasi yang mendapat perhatian masakini terbahagi kepada tiga kumpulan teras yang besar: produk; perkhidmatan; dan proses atau prosedur dalam organisasi. Kehebatan inovasi pula sering dipimpin oleh daya pasaran atau teknologi yang terdapat di sekitarnya.

Peluang melakukan inovasi di Malaysia amatlah luas sekali jika bersandarkan kelebihan dari segi geografi dan persamaan budaya dengan

negara-negara jiran seperti Singapura, Brunei dan Indonesia yang menyediakan prospek pasaran yang meluas. Kedudukan Malaysia dari segi inovasi produk terutama yang berasaskan 'the cutting-edge technology' belum berada pada tahap yang membanggakan. Walau bagaimanapun, inovasi dari segi perkhidmatan sedang membangun dengan rancak sebagai nilai tambah kepada kehidupan moden. Tiga sektor perkhidmatan yang paling ke hadapan dalam inovasi ialah pelancongan, industri perkhidmatan kewangan dan industri peruncitan.

Justeru di antara perubahan yang perlu diambil oleh semua institusi pengajian ialah mendidik bakal graduan untuk menjadi pengamal inovasi yang mengutamakan set minda pro-perkhidmatan. Pelajar yang mempunyai kesedaran ini akan berupaya mendepani cabaran untuk melaksanakan inovasi. Dari segi memperkenalkan inovasi kepada sistem dan proses pula, kekuatan ilmu teknologi maklumat sebagai 'enabler' adalah kunci kejayaannya.

Akhir kata, kita menyedari Malaysia mungkin tidak dapat mengejar bilangan inovasi yang dipunyai oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun. Namun, kajian Bloomberg Businessweek 2011 meletakkan Malaysia pada nombor 21 daripada 30 negara paling inovatif di dunia. Sukacita diingatkan nombor dan kedudukan tidak menjadi perkara pokok tetapi minda yang kreatif dan usaha yang berterusan akan melahirkan generasi rakyat Malaysia yang kreatif, inovatif, dan berdaya saing, InsyaaAllah.

Penulis, Zainab Ahmad, ialah Timbalan Pengarah (Akademik) Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Shah Alam pada tahun 2011.

Gambar-gambar adalah dari koleksi peribadi penulis dan muat turun dari laman sesawang University of Nottingham.

Work Based Learning

Bagi Program Diploma Lanjutan Kejuruteraan Elektronik (Perubatan)



NSRI 2011

TAJUK UCAPTAMA DI NSRI 2011: PELAKSANAAN WORK BASED LEARNING (WBL) BAGI PROGRAM DIPLOMA LANJUTAN KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (PERUBATAN) DI PSA YANG DISAMPAIKAN OLEH PN.ASMARA BT SULUNG.

Perubahan yang pantas dalam teknologi dan kehendak pekerjaan yang bersifat global telah mewujudkan satu cabaran kepada agensi penyedia pendidikan dan latihan; iaitu satu permintaan yang baharu terhadap bidang pendidikan teknikal dan latihan vokasional. Banyak perdebatan telah dijalankan terhadap keperluan latihan yang sesuai yang perlu dijalani oleh para pelajar mengikut kehendak dan acuan industri masa kini. Latihan dan pembelajaran kini bukan sahaja mematuhi kurikulum dan keperluan dalaman Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) semata-mata tetapi lebih daripada itu. Pelaksanaan TVET haruslah lebih strategik dan menjawab kehendak industri di mana para pelajar kita akan dipasarkan. Jaringan kolaborasi

industri-institusi pengajian perlu diperkukuhkan demi menghasilkan graduan bersifat global dan berasaskan industri. Dengan ini matlamat untuk menghasilkan teknologis dari pelbagai bidang teknikal untuk menyokong agenda transformasi kerajaan diharap boleh dijayakan oleh sistem pengajian politeknik. Pada asasnya ciri-ciri graduan yang global dan berasaskan industri adalah bersifat mudah suai graduan di tempat kerja, bersedia kepada perubahan teknologi terkini, mempunyai kemahiran dalam teknologi terkini dan mudah belajar kepada perubahan, kebiasaan kepada prosedur kerja dan teknikal, juga kebiasaan kepada perkhidmatan pelanggan. Kriteria-kriteria ini sekiranya sudah diterap dari awal pembelajaran boleh membantu graduan kita untuk bekerja di

mana-mana sahaja baik dalam negara mahu pun di luar negara.

Memetik kata-kata mantan Ketua pengarah Politeknik Yg Bhg Dato' Imran Bin Idris dalam Sidang Dialog Bersama Industri (2008) yang dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Politeknik yang berbunyi,*The Polytechnics and Community College education tagline is 'engaging industries empowering communities' that features a balance between broad-based curriculum with specialization, applied and practice oriented, with an industry focuses and caters for life-long learning. The direct involvement of the industries in the education program, in particular workplace learning may change the scenario of technical and vocational education and training (TVET) in future. It may reduce the cost of providing certain equipments to*

the training centre especially those that incur large amount of capital funds. Through this collaboration, it may also enhance students' practical skills in the real workplace environment. Therefore, it is the argued that the industry-education collaboration is equally beneficial to both parties. In addition, the collaboration is vital in preparing and providing highly skilled workforce in the development of human capital in Malaysia."

Petikan kata-kata ini jelas menggambarkan perlunya gandingan mantap politeknik dan industri dalam menyediakan modal insan negara. Kini, sebagai pelaksana, Politeknik perlu bergerak pantas merialisasikan hasrat ini.

WBL merupakan salah satu kaedah P&P selain daripada kaedah konvensional. Melalui program WBL ini pelajar berpeluang untuk belajar secara bekerja di tempat industri. Dengan itu ianya dapat membantu untuk meningkatkan jati diri pelajar, memotivasi pelajar untuk lebih kreatif dan inovatif. Program ini juga dapat melengkapkan pelajar untuk memahami kemahiran kebolehpasaran untuk pasaran kerja kelak.

Pendekatan ini diterokai berdasarkan beberapa kajian tentang pembelajaran yang dilakukan oleh Gear et al (1994), Eraut et al (2000, 2005), Felstead et al (2005) and Eraut & Hirsh (2007) menyatakan bahawa pembelajaran yang diperolehi melalui medium pekerjaan sebenar atau dicetuskan oleh sesuatu isu spesifik di tempat kerja mampu menghasilkan pembelajaran yang berkesan dan berharga berbanding dengan kaedah pembelajaran konvensional. Oleh itu latihan yang terancang ini dilaksanakan bertujuan untuk mempertingkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dalam usaha melahirkan pelajar yang berkemahiran dan berketrampilan disamping mendedahkan mereka kepada alam pekerjaan yang sebenar. Kenyataan disokong oleh kajian, Ismail bin Samsudin, bertajuk Sejauh Manakah Penerimaan Syarikat/Industri Terhadap Graduan Diploma Work-Based Learning (WBL) Teknologi Elektrik Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia?, di mana kajiannya mendapati bahawa pelajar lepasan Kolej

Komuniti WBL mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi. Roziah et al. (2010) mendapati konsep WBL diterima pakai oleh industri dan institusi-institusi pengajian di Malaysia. WBL dikatakan bersifat transformasi inovatif, dapat berkongsi pengalaman dan kemahiran, dapat membina keyakinan diri pelajar, meningkat jati diri dan meningkatkan kemahiran kepimpinan. Konsep ini dapat mengurangkan kos industri untuk menjalani kursus orientasi untuk pekerja baharu, dapat berkongsi peralatan yang sebenar di industri, dapat meningkatkan pengetahuan pensyarah dengan perkongsian ilmu teori dan praktikal seperti penggunaan peralatan di industri.

Pelaksanaan program secara WBL adalah di mana proses P&P bukan sekadar dilaksanakan melalui kuliah di dalam kampus, malahan program ini juga dimantapkan lagi dengan latihan yang terancang melalui program 'On Job Training' (OJT) merujuk kepada model pelaksanaan yang telah dijalankan di PSA di Rajah 1 di bawah:

Kurikulum WBL telah dibangunkan secara terancang bersama institusi pengajian dan pihak industri bagi menepati keperluan industri. Selain itu, garis panduan kaedah penilaian WBL telah digubal mengikut spesifikasi keperluan institusi pengajian dan industri. Tempoh pengajian bagi program ini adalah selama empat semester atau dua tahun di mana dua semester pertama pelajar akan mengikuti pengajian di PSA manakala dua semester lagi mereka akan ditempatkan

di industri yang berkolaborasi dengan PSA. Tenaga pengajar dari industri diberikan pendedahan pedagogi bagi persediaan mereka untuk menyempurnakan proses P&P semasa WBL dilaksanakan.

